

# FTA: Kelebihan kepada Malaysia

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

UM- 28/2/2007

SERDANG 27 Feb. - Peluang memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat (AS) bulan depan tidak patut dilepaskan kerana ia akan memberi kelebihan besar kepada Malaysia berbanding negara jiran lain.

Duta AS ke Malaysia, Christopher J. LaFleur berkata, sekiranya terlepas, peluang itu tidak akan dapat diraih untuk beberapa tahun akan datang walhal Malaysia merupakan satu-satunya negara rantau ASEAN yang sedang berunding dengan AS, selain Korea Selatan.



**CHRISTOPHER  
J. LaFLEUR**

"FTA dengan AS akan menonjolkan kedudukan Malaysia di arena global dengan membenarkan kemasukan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) dan membangunkan perniagaan serta bidang pertumbuhan baru, sejajar dengan matlamat negara mencapai Wawasan 2020.

"Jika rundingan ini tidak dapat ditamatkan, Malaysia tidak akan mempunyai peluang untuk berbuat demikian bagi beberapa tahun akan datang.

"Ini mendukacitakan bagi AS dan Malaysia kerana ia bertujuan mewuituasi menang-menang bagi kedua-duanya," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah bertajuk *AS dan Malaysia dalam tahun 2007: Penumpuan Kepada Hubungan Politik-Ekonomi-Perdagangan* pada Siri Perbincangan Intelektual di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, hari ini.

Beliau sebelum itu diminta mengulas mengenai perkembangan rundingan FTA yang telah selesai pusingan kelimanya dan berhadapan dengan tempoh tamat pada Mac.

LaFleur berkata, pemeteraian FTA AS dengan Australia dua tahun lalu menunjukkan kejayaan ekonomi yang jelas dengan peningkatan ketara dalam FDI ke Australia.

Beliau dalam hal ini optimis bahawa rundingan itu akan dapat ditamatkan pada masanya dengan kemampuan kedua-dua negara.

"Potensinya ada. Saya percaya kita boleh berjaya," katanya.

Ditanya bila pusingan rundingan seterusnya akan berlangsung, beliau berkata, perkara tersebut masih terlalu awal untuk ditentukan.

Namun, kata LaFleur, rundingan masih berlangsung dalam tempoh masanya dan beliau berharap agar masa ini akan digunakan dengan cekap.